

**PERLEMBAGAAN BAGI  
PERTUBUHAN INDUK  
PERTUBUHAN IKATAN KOMUNITI SELAMAT  
(PPM-017-14-04012019)**

**FASAL 1 NAMA**

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

**PERTUBUHAN IKATAN KOMUNITI SELAMAT**

selepas ini disebut Pertubuhan.

(3) Takrif Nama : Pertubuhan ikatan komuniti selamat selepas ini disebut sebagai "ikatan". pertubuhan ini dikenali juga sebagai alliance for safe community dalam bahasa inggeris.

(4) Bertaraf : Lain-lain

**FASAL 2 TEMPAT URUSAN**

(1) Alamat dan tempat urusan pertubuhan ialah

A5-2-1 MEGAN SALAK PARK, JALAN 2/125E  
57100  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pusat; dan alamat untuk surat-menyurat adalah

A5-2-1 MEGAN SALAK PARK, JALAN 2/125E  
57100  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

(2) Tempat urusan berdaftar dan alamat surat-menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

SALINAN YANG BENAR BAGI DOKUMEN ASAL / SEBAHAGIANNYA

**FASAL 3 MATLAMAT**



NORZIANA BINTI ROSLI  
PENYELONG PENDAFTAR PERTUBUHAN  
SELANGOR

3.1 Menjadi wadah bagi menggembeling dan menyatukan para pakar, profesional dan individu yang mempunyai minat mendalam dalam bidang Kesihatan dan Keselamatan, Pencegahan Jenayah dan Kemalangan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sektor-sektor pengangkutan darat, udara dan air serta tempat kediaman



dan rekreasi.

3.2 Menjadi pusat perkongsian ilmu, kepakaran dan pengalaman dikalangan mereka yang berdedikasi dan komited untuk menerap dan mengembangkan budaya hidup sihat dan selamat didalam komuniti.

3.3 Merakyatkan nilai-nilai sihat dan selamat yang praktikal bagi seluruh pelusuk sektor pekerjaan dan bukan pekerjaan.

3.4 Memupuk dan meningkatkan kesedaran kesihatan dan keselamatan yang disasarkan kepada semua lapisan masyarakat, termasuk kepada para penghuni rumah, kanak-kanak, warga emas dan pelajar agar dapat melahirkan komuniti yang mengamalkan budaya hidup sihat dan selamat.

3.5 Matlamat Ikatan ialah untuk membantu masyarakat dalam menangani isu-isu berkaitan kesihatan dan keselamatan yang dihadapi.

## FASAL 4 KEAHLIAN

### 4.1 Ahli Biasa

Dibuka untuk warganegara Malaysia berumur 21 tahun keatas yang berminat menyertai dan bergiat dalam bidang kesihatan, keselamatan, pencegahan jenayah dan kemalangan.

### 4.2 Ahli Bersekutu

Dibuka kepada bukan-warganegara yang bergiat didalam bidang-bidang berkaitan yang disebut didalam Fasal 4.1 diatas dan boleh diluaskan kepada pertubuhan-pertubuhan tidak berasas keuntungan, tetapi mereka hanya dibenar menamakan seorang sahaja wakil. Ahli-Ahli Bersekutu adalah tidak dibenarkan untuk mengundi dan menduduki Jawatankuasa.

### 4.3 Ahli Kehormat

Jawatankuasa boleh mencadangkan agar individu terkemuka dan berjasa kearah pencapaian matlamat Ikatan untuk dianugerah penghormatan sebagai Ahli Kehormat. Jawatankuasa berhak menetapkan syarat dan terma semasa bagi Ahli Kehormat ini. Ahli Kehormat adalah tidak dibenarkan untuk mengundi dan menduduki Jawatankuasa.

### 4.4 Ahli Muda

Jika difikirkan perlu, Jawatankuasa boleh mengujudkan satu kategori khas khusus bagi golongan muda yang berumur tidak melebihi 21 tahun untuk menyertai aktiviti-aktiviti Ikatan. Jawatankuasa berhak menetapkan yuran, syarat dan terma semasa yang bersesuaian bagi Ahli Muda.

### 4.5 Ahli Seumur Hidup

Jawatankuasa berhak menetapkan syarat dan terma semasa bagi kategori Ahli Seumur Hidup ini.



#### 4.6 Ahli Korporat

Terbuka kepada mana-mana organisasi yang menyokong atau berkongsi dengan matlamat Ikatan.

4.6.1 Ahli Korporat perlu menamakan seorang wakil dari pihak Pengurusan Tertinggi yang bertanggungjawab penuh keatas aspek kesihatan dan keselamatan di organisasi mereka. Hanya wakil berwarganegara Malaysia sahaja yang layak untuk mengundi dan dilantik menduduki Jawatankuasa.

4.7 Semua kategori keahlian seperti diatas adalah terbuka kepada para pakar, pengamal, penyokong dan pencinta bidang kesihatan dan keselamatan.

4.8 Permohonan Keahlian perlu dibuat dalam borang ditentukan yang hendaklah diserahkan kepada Setiausaha bagi dikemukakan ke Jawatankuasa yang akan meluluskan atau menolak permohonan tersebut tanpa memberi sebab.

4.9 Setiap permohonan yang telah diluluskan, akan hanya berkuatkuasa sebaik saja bayaran masuk dan yuran pertama diterima oleh Ikatan.

### FASAL 5 **PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI**

5.1 Ahli yang ingin berhenti menjadi ahli perlu memberi Notis Bertulis sekurang-kurangnya dua (02) minggu kepada Setiausaha dan juga menjelaskan segala hutangnya terlebih dahulu.

5.2 Mana-mana ahli yang gagal mematuhi perlembagaan atau bertindak dengan cara yang boleh dianggap mencemarkan nama baik Ikatan boleh dipecat atau digantung keahlian untuk satu tempoh yang ditentukan oleh Jawatankuasa.

5.3 Sebelum pemecatan atau penggantungan itu dilaksanakan, ahli berkenaan perlu diberitahu secara bertulis dan diberi peluang untuk memberi penjelasan atau pembelaan diri.

5.4 Pemecatan atau penggantungan itu perlu dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung menunda atau membatalkan keputusan berkenaan setelah ahli itu membuat rayuan.

### FASAL 6 **SUMBER KEWANGAN**

Sumber kewangan Ikatan ialah daripada:

6.1 Bayaran proses kemasukan ialah Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM 200.00) sahaja.

6.2 Yuran Tahunan ialah Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM 100.00) sahaja.

6.2.1 Bagi Ahli Seumur Hidup, yuran berjumlah sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1000.00) sahaja dan tidak mengambilkira apa-apa yuran tahunan yang



telah dijelaskan sebelum itu semasa menjadi Ahli Biasa, perlulah dijelaskan terlebih dahulu sebagai syarat perubahan dari Ahli Biasa kepada Ahli Seumur Hidup.

Jumlah ini untuk sekali bayar sahaja dan tidak akan dikembalikan.

6.2.2 Yuran Tahunan bagi Ahli Koporat ialah Ringgit Satu Ribu (RM 1000.00) sahaja.

6.2.3 Yuran-yuran tahunan perlu dijelaskan kepada Bendahari pada atau sebelum 15 haribulan Januari setiap tahun.

6.2.4 Ahli-ahli yang membiarkan yuran tahunannya terhutang lebih dari satu (01) tahun akan diberi peringatan bertulis oleh Setiausaha dan akan hilang keistimewaan sebagai ahli hingga hutangnya itu dijelaskan.

6.2.5 Ahli yang membiarkan hutangnya terkumpul untuk dua (02) tahun atau lebih, dengan sendirinya terhenti dari menjadi ahli dan Jawatankuasa berhak untuk mengarahkan tindakan sah diambil terhadapnya.

6.2.6 Jawatankuasa mempunyai kuasa menentukan kadar yuran memasuki semula bagi sesiapa yang telah terlucut keahliannya disebabkan hutang.

6.3 Yuran khas atau kutipan wang dari ahli-ahli untuk perkara tertentu boleh dipungut dengan persetujuan Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekiranya ada yang mungkir atau enggan membayar wang tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka jumlah itu akan dianggap sebagai yuran tahunan terhutang.

6.4 Sumbangan: Ikatan dibenarkan menerima sumbangan dalam bentuk wang, geran atau barangan. Sumbangan berbentuk wang perlu diistiharkan dengan jelas dan tepat dalam Penyata Tahunan Ikatan.

6.5 Kegiatan Ekonomi: Ikatan boleh menjalankan kegiatan seperti menjual, membeli, melabur, menyewa, memiliki harta alih dan tak alih serta lain-lain kegiatan ekonomi.

6.6 Ikatan dibenarkan menganjur atau mengadakan apa-apa jenis khidmat dan rundingan serta melaksanakan apa-apa projek yang berkaitan dengan mana-mana bidang kesihatan dan keselamatan dan seterusnya menerima upah bagi khidmat-khidmat tersebut, termasuk latihan, audit dan khidmat perundingan.

## FASAL 7 MESYUARAT AGUNG

7.1 Pengelolaan Ikatan terserah kepada Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah ahli Jawatankuasa, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir didalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.



7.2 Jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat mesti ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih dari 30 hari) atas ketetapan Jawatankuasa; dan jika korum tidak juga cukup bagi mesyuarat yang tertangguh itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir untuk meneruskan mesyuarat, tetapi tanpa kuasa untuk meminda Perlembagaan Ikatan.

7.3 Mesyuarat Agung Tahunan bagi Ikatan hendaklah diadakan dalam tempoh 12 bulan daripada Mesyuarat Agung Tahunan yang terakhir, pada masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Agendanya adalah:

7.3.1 menerima laporan Jawatankuasa berkenaan aktiviti-aktiviti Ikatan bagi tahun sebelumnya;

7.3.2 mempertimbangkan Laporan Bendahari dan Penyata Kewangan yang telah diaudit;

7.3.3 memilih ahli-ahli untuk Jawatankuasa dan melantik Pemeriksa Kira-Kira atau Juruaudit Dalaman (jika berkenaan);

7.3.4 menguruskan perkara-perkara lain yang dibentang dimesyuarat itu.

7.4 Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan; satu agenda mesyuarat termasuk salinan minit mesyuarat dan laporan aktiviti tahunan serta penyata kira-kira yang telah diaudit bagi tahun yang sebelumnya.

Salinan dokumen-dokumen ini hendaklah juga dibekalkan untuk bacaan ahli-ahli dialamat tempat urusan Ikatan.

7.5 Mesyuarat Agung Luar Biasa boleh diadakan:

7.5.1 bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa; atau

7.5.2 atas permintaan ramai secara bertulis oleh tidak kurang dari satu perlima (1/5) dari jumlah ahli-ahli yang berhak mengundi dengan diterangkan tujuan dan sebab ianya diminta untuk diadakan. Permintaan bertulis tersebut hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Ikatan.

7.6 Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diminta oleh ahli-ahli perlu diadakan dalam tempoh sebulan dari tarikh permintaan bertulis itu dibuat.

7.7 Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.

7.8 Peruntukan Fasal 7.1 dan 7.2 diatas berkenaan korum dan penangguhan adalah juga terpakai bagi Mesyuarat Agung Luar Biasa, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu ditetapkan, maka mesyuarat itu perlu dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh tersebut, Mesyuarat Agung Luar Biasa atas permintaan ahli-ahli bagi tujuan yang sama, tidak



boleh diadakan.

7.9 Setiausaha perlu menghantar kepada setiap ahli satu salinan minit Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa dalam tempoh 3 bulan setelah selesai mesyuarat berkenaan.

## FASAL 8 JAWATANKUASA

8.1 Satu Jawatankuasa seperti berikut yang akan bertindak selaku Pegawai Ikatan hendaklah dipilih dua (02) tahun sekali di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

8.1.1 Seorang Pengerusi

8.1.2 Seorang Timbalan Pengerusi

8.1.3 Seorang Setiausaha

8.1.4 Seorang Bendahari

8.1.5 Enam (06) orang Ahli Jawatankuasa

8.1.6 Dua (02) orang Pemeriksa Kira-Kira/Juruaudit Dalaman

8.2 Semua calon bagi menduduki Jawatankuasa perlulah terdiri dari warganegara Malaysia yang dicadang, disokong dan dipilih secara undian oleh ahli-ahli didalam Mesyuarat Agung Tahunan.

8.3 Mereka yang terpilih mempunyai hak untuk bertanding semula diakhir tempoh perkhidmatan mereka.

8.4 Hanya ahli yang hadir layak dicalonkan manakala yang tidak hadir tetapi memberi tunjuk sebab bertulis yang dikira wajar dan munasabah oleh Jawatankuasa adalah layak juga untuk dicalonkan.

8.5 Jawatankuasa, jika perlu, boleh melantik sehingga empat (04) orang lagi ahli tambahan dari kalangan ahli Ikatan bagi membantu dalam tugas-tugas Jawatankuasa yang terpilih di mesyuarat agung.

8.6 Jawatankuasa perlu bermesyuarat tidak kurang dari empat kali setahun.

## FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

9.1 Pengerusi

9.1.1 Mempengerusikan semua mesyuarat dan bertanggungjawab penuh diatas kesempurnaannya.

9.1.2 Meneliti catatan minit mesyuarat dan memastikan semua keputusan telah diambil tindakan yang sewajarnya.

9.2 Timbalan Pengerusi

9.2.1 Membantu Pengerusi dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab



yang telah diamanahkan.

9.2.2 Mempengerusikan mesyuarat semasa ketiadaan Pengerusi.

### 9.3 Setiausaha

9.3.1 Mengurus hal-hal surat-mesyuarat rasmi Ikatan.

9.3.2 Mencatat dan menandatangani minit-minit mesyuarat dan laporan kegiatan-kegiatan.

9.3.3 Mencatat kehadiran ahli.

9.3.4 Menyimpan dokumen yang berkaitan dengan Ikatan.

### 9.4 Bendahari

9.4.1 Bertanggungjawab terhadap semua hal kewangan Ikatan.

9.4.2 Membuat dan menyimpan kira-kira kewangan dan bertanggungjawab diatas kesahihannya.

9.4.3 Menyediakan Penyata Kira-kira bulanan dan tahunan serta menandatangani.

9.4.4 Melaporkan kedudukan kewangan di dalam mesyuarat Jawatankuasa.

9.4.5 Menyediakan Laporan Kewangan untuk diaudit dan dibentangkan didalam Mesyuarat Agung Tahunan.

### 9.5 Ahli Jawatankuasa

9.5.1 Membantu menjalankan tugas dalam segala program dan aktiviti yang dilaksanakan.

9.5.2 Mempengerusikan biro sekiranya dilantik.

## FASAL 10 KEWANGAN

10.1 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut, kewangan Ikatan boleh digunakan untuk perkara-perkara yang berfaedah bagi matlamat Ikatan, termasuk perbelanjaan pentadbiran, bayaran gaji, honorarium, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan bergaji serta upah juruaudit.

10.2 Bendahari dibenarkan menyimpan wang tunai tidak melebihi Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM 1000.00) sahaja. Wang tunai melebihi had ini perlu di masukkan kedalam akaun bank atas nama Ikatan.

10.3 Semua cek dan kenyataan pengeluaran wang Ikatan perlu ditandatangani oleh Bendahari, Pengerusi dan/atau Setiausaha secara bersama. Sekurang-kurangnya dua tandatangan diperlukan termasuk tandatangan Bendahari. Jawatankuasa boleh melantik ahli Jawatankuasa yang lain sebagai pengganti bagi menandatangani pengeluaran wang atau cek dimasa ketiadaan mana-mana penandatangan asal kecuali Bendahari.

10.4 Bagi transaksi kewangan untuk maksud tersebut diatas, sebarang kaedah 'secure on-line banking & transfer' yang dipersetujui atau diluluskan oleh Pendaftar



Pertubuhan boleh digunakan.

10.5 Perbelanjaan melebihi Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM 10,000.00) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar tanpa diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, manakala perbelanjaan melebihi Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM 50,000.00) perlu mendapat kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan. Walaubagaimanapun, perbelanjaan dibawah Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) boleh diluluskan secara bersama oleh Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.

10.6 Penyata Kewangan Ikatan hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira yang dilantik mengikut Fasal 7 diatas dengan kadar seberapa segera setelah tamat tahun kewangan. Penyata Kewangan yang telah diperiksa hendaklan diedar untuk makluman ahli dan dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan.

10.7 Tahun Kewangan Ikatan ialah bagi tempoh 12 bulan yang bermula dari 01 April tahun berkenaan.

## FASAL 11 JURUAUDIT

11.1 Dua orang yang bukan ahli Jawatankuasa Ikatan perlu dilantik di Mesyuarat Agong Tahunan sebagai Juruaudit. Mereka akan memegang jawatan itu untuk tempoh selama 2 tahun dan adalah layak untuk dilantik semula diakhir penggal perkhidmatan mereka.

11.2 Mereka dikehendaki memeriksa penyata kewangan Ikatan bagi tempoh dua tahun dan seterusnya membuat pengakuan dan menandatangani penyata kewangan tersebut untuk pertimbangan Mesyuarat Agung Tahunan.

11.3 Mereka boleh diminta pada bila-bila masa oleh Pengerusi untuk memeriksa akaun Ikatan ketika dalam tempoh perkhidmatan mereka dan seterusnya mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa.

## FASAL 12 PENTADBIR HARTA

12.1 Semua harta tidak alih perlu didaftarkan atas nama Ikatan dan segala surat cara pelaksanaan harta itu dianggap sah dan berkuatkuasa seolah-olah dilaksanakan oleh seorang tuan punya berdaftar dengan syarat surat-cara itu disempurnakan oleh tiga (03) orang pemegang harta pada ketika mana perlantikan mereka telah disahkan melalui perakuan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan dan dimeteri dengan meteri Ikatan.

12.2 Tiga orang Pemegang Amanah yang berumur tidak kurang dari 21 tahun dan bukan juga merupakan Setiausaha atau Bendahari Ikatan perlu dilantik di Mesyuarat Agung pertama dan akan memegang kuasa selama perkenan Ikatan.





12.3 Seorang Pemegang Amanah boleh digugurkan dari jawatannya oleh Jawatankuasa diatas sebab-sebab kesihatan, tidak waras, ketiadaan dalam negara atau akibat tidak mampu menjalankan tugas. Dalam keadaan dimana kematian, perletakkan atau pembuangan jawatan berlaku sebelum Mesyuarat Agung Tahunan, kekosongan berkenaan perlu ditampung oleh Jawatankuasa.

12.4 Syarikat Pemegang Harta yang ditakrif dibawah Akta Pemegang Amanah 1949 atau undang-undang yang berkenaan, boleh dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemegang Amanah tunggal bagi Ikatan. Sekiranya lantikan sedemikian berlaku, semua rujukan kepada "Pemegang Amanah" akan juga bermaksud rujukan kepada syarikat pemegang amanah yang telah dilantik.

## FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN

13.1 Dalam tempoh diantara dua Mesyuarat Agung Tahunan, Jawatankuasa boleh memberikan tafsiran kepada Perlembagaan dan Jawatankuasa, jika perlu, boleh memutuskan perkara-perkara yang kurang jelas didalam Perlembagaan.

13.2 Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung Tahunan, keputusan Jawatankuasa terhadap mana-mana ahli adalah muktamad, melainkan ianya diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

## FASAL 14 PENASIHAT/PENAUNG

14.1 Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat atau Penaung bagi Ikatan ini dengan syarat orang yang dilantik itu telah memberikan persetujuan secara bertulis terlebih dahulu.

## FASAL 15 LARANGAN

15.1 Sebarang bentuk perjudian seperti yang ditafsirkan dalam Akta Rumah Judi Terbuka, 1953 adalah dilarang di premis Ikatan.

15.2 Ikatan atau ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan didalam gerakan kesatuan pekerja seperti yang ddefiniskan di dalam Akta Kesatuan Pekerja 1959.

15.3 Ikatan tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Ikatan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa atau ahli, tanpa kelulusan dari pihak berkuasa yang berkenaan.

15.4 "Faedah" seperti yang diterangkan dibawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidak boleh diberikah oleh Ikatan kepada mana-mana ahlinya.



15.5 Semua wang dan keuntungan yang diperolehi hasil dari penyertaan Ikatan dalam kegiatan ekonomi hendaklah disalurkan kembali kepada Ikatan bagi tujuan menjayakan matlamat Ikatan dan tidak boleh digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada mana-mana ahli. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran gaji atau perbelanjaan pentadbiran atau kedua-duanya kepada mana-mana ahli atau pekerja Ikatan.

## FASAL 16 PINDAAN PERLEMBAGAAN

16.1 Mana-mana bahagian dalam perlembagaan ini sah sehingga ianya dipinda.

16.2 Apa-apa cadangan pindaan kepada perlembagaan perlu dibuat oleh ahli kepada Jawatankuasa secara bertulis melalui Setiausaha Ikatan.

16.3 Cadangan berkenaan akan dibentang dan Jawatankuasa boleh memutuskan untuk menerima, menolak atau membawa cadangan tersebut ke Mesyuarat Agung Tahunan bagi mendapatkan kelulusan.

16.4 Setiap pindaan yang telah diluluskan hendaklah dipamerkan setelah ianya disahkan oleh Pendaftar Pertubuhan.

## FASAL 17 PEMBUBARAN

17.1 Cadangan untuk pembubaran perlulah dibentang, dibincang dan diputuskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa.

17.2 Segala hutang Ikatan wajib dijelaskan terlebih dahulu. Penyelesaian mana-mana baki kewangan perlu diputuskan dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa.

## FASAL 18 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA



## LAMPIRAN

1. Bendera
  - 
  - Keterangan
  -
2. Lambang
  - 
  - Keterangan
  -
3. Lencana
  - 
  - Keterangan
  -

